

02/08/2001

Semua negara Islam perlu sokong Dinar

KUALA LUMPUR, Rabu - Dinar Islam memang berpotensi untuk dibangunkan sebagai mata wang perdagangan utama dunia jika semua negara Islam memberi komitmen padu, terutama pada peringkat awal pelaksanaannya.

Ia berikutan dinar Islam mempunyai nilai yang lebih stabil kerana ia disandarkan kepada nilai emas berbanding dolar Amerika yang nilainya bergantung hanya kepada asas permintaan dan penawaran.

"Bagaimanapun cabaran bagi menjadikan dinar Islam sebagai mata wang utama dunia ialah memulakan penggunaannya.

"Di sinilah perlunya komitmen semua negara Islam untuk menjayakan cadangan itu," kata Pensyarah Jabatan Kewangan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Madya Dr Fauzias Mat Nor.

Beliau menjelaskan, bagi membolehkan sesuatu mata wang itu diterima pakai sebagai mata wang utama dunia, ia haruslah digunakan secara meluas dalam majoriti urusan perdagangan dunia.

Berikutan itu katanya, sebagai permulaan semua negara Islam perlu bersetuju menggunakan mata wang itu dalam perdagangan sesama mereka.

"Oleh kerana komuniti perniagaan cenderung untuk mengurus niaga dalam mata wang yang mempunyai nilai yang stabil, dinar Islam yang mempunyai nilai stabil lambat-laun akan diterima sebagai mata wang utama dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi di sini hari ini, bagi mengulas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya dinar Islam digunakan oleh negara Islam sebagai pilihan kepada dolar Amerika.

Dr Fauzias berkata, pada asasnya dinar Islam yang dicadangkan itu adalah berdasarkan sistem Standard Emas yang pernah diguna pakai di seluruh dunia di antara 1880 sehingga 1914.

Di bawah sistem itu, nilai mata wang sesebuah negara disokong oleh rizab emasnya dan ia secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan risiko daripada dimanipulasi.

Sistem sekarang ialah nilai mata wang ditentukan penawaran dan permintaannya dan secara tidak langsung, ia terdedah kepada risiko manipulasi pedagang yang boleh menaik atau menurunkan permintaan.

Selain itu katanya, sistem Standard Emas juga adalah lebih baik kerana nilai mata wang sesebuah negara itu boleh ditentukan berasaskan semata-mata kepada asas ekonominya.

Dr Fauzias berkata, sistem Standard Emas dihentikan pada 1914 berikutan tindakan beberapa negara yang terbabit dalam Perang Dunia Pertama "menipu" dengan menerbitkan wang melebihi rizab emas mereka.

Beliau berkata, sistem itu kemudian digantikan dengan Standard Pertukaran Emas atau sistem Bretton Woods pada 1944 di mana semua mata wang disandarkan kepada dolar Amerika yang nilainya ditentukan nilai emas.

(END)